

**Bil. 8**

**Selasa**

**31 Julai 2018**



**MALAYSIA**

# **PENYATA RASMI PARLIMEN**

*Parliamentary Debates*

## **KAMAR KHAS**

*Special Chamber*

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

## KANDUNGAN

### UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M.17]:

- **Masalah Caj Tempat Letak Kereta di Stesen Keretapi  
Anak Bukit, Alor Setar dan Arau**  
- *YB. Tuan Chan Ming Kai (Alor Setar)* [Halaman 1]
- **Bantuan Kewangan kepada Mangsa Kebakaran  
Rumah Panjang di Kawasan Lanang**  
- *YB. Puan Alice Lau Kiong Yieng (Lanang)* [Halaman 3]

**MALAYSIA  
KAMAR KHAS  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL PERTAMA  
MESYUARAT PERTAMA**

**Selasa, 31 Julai 2018**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang**

**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**UCAPAN DI BAWAH USUL  
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Masalah Caj Tempat Letak Kereta di Stesen Keretapi  
Anak Bukit, Alor Setar dan Arau**

**2.34 ptg.**

**Tuan Chan Ming Kai [Alor Setar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, saya ingin menarik perhatian pihak kementerian ke atas aduan kepada kutipan letak kereta di stesen kereta api di Kedah dan Perlis yang bermula pada tengah tahun ini. Kawasan stesen kereta api yang di bawah urusan Railway Assets Corporation telah sub sewa ruang letak kereta kepada syarikat persendirian untuk mengutip caj letak kereta.

Di antaranya, caj untuk letak kereta sehari adalah sebanyak RM4. Akan tetapi, terdapat ramai orang Kedah yang bekerja di lokasi berhampiran dengan stesen berdekatan termasuk Arau, dengan meletak kereta di tapak letak kereta KTM dan ulang-alik setiap hari melalui ETS atau kereta api biasa. Dengan bermulanya caj baru ini, mereka terpaksa tanggung kos letak kereta sebanyak RM80-RM90 setiap bulan dan ini tidak termasuk tambang kereta api. Bagi golongan pekerja yang bukan berpendapatan tinggi, ini merupakan suatu tanggungan yang agak berat terhadap mereka.

Maka saya ingin bertanya, berapakah kutipan pihak Railway Assets Corporation daripada pihak syarikat pengurusan parkir? Adakah pihak berkenaan mampu menilai semula kutipan tersebut supaya meringankan tanggungan kepada pengguna, khususnya pihak yang kerap

meletak kereta? Pihak yang berkenaan juga harus memastikan perkhidmatan yang baik diberikan.

Didapati bahawa tempat letak kereta di Stesen Arau pernah mengalami banjir yang hampir merosakkan kereta yang letak di situ. Adakah sebarang kerosakan atau kerugian yang berlaku kepada kereta yang letak di kawasan di bawah Railway Assets Corporation diliputi oleh insurans daripada pihak berkenaan?

Selain daripada itu, terdapat juga aduan terhadap semak samun di kawasan KTM berdekatan dengan Simpang Kuala Alor Setar yang berhampiran dengan kawasan perumahan yang jarang diselenggara sehingga menimbulkan masalah kebersihan kepada perumahan. Maka, diminta pihak kementerian memberi penjelasan dan penyelesaian ke atas isu-isu berkenaan. Sekian, terima kasih.

### **2.36 ptg.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Yang Berhormat Alor Setar kerana mengambil berat tentang masalah-masalah dan keadaan yang berkaitan dengan parkir khususnya di stesen-stesen kereta api di negeri Perlis dan Kedah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Railway Assets Corporation (RAC) telah melantik Syarikat Adventure Reality Sdn. Bhd. untuk tempoh tiga tahun bermula 1 Mei 2018 hingga 31 April 2021. Nilai sewaan yang dikenakan oleh RAC ke atas syarikat tersebut adalah sebanyak RM10 setiap bulan untuk satu petak. Jumlah sewaan di Stesen Alor Setar, Kedah yang diterima oleh RAC adalah sebanyak RM750 sebulan iaitu pada kadar (RM10 x 75 petak). Di stesen Arau, Perlis adalah sebanyak RM1,890 sebulan iaitu pada kadar (RM10 x 189 petak). Selaras dengan syarat-syarat yang termaktub di dalam perjanjian antara RAC dan operator pengendali, kadar caj yang dikenakan untuk pengguna adalah seperti berikut:

- |       |                          |   |          |
|-------|--------------------------|---|----------|
| (i)   | 2 jam pertama            | : | RM2;     |
| (ii)  | 1 jam berikutnya         | : | RM1;     |
| (iii) | maksimum untuk satu hari | : | RM4;     |
| (iv)  | motosikal                | : | RM1; dan |
| (v)   | OKU                      | : | percuma. |

Untuk Stesen Anak Bukit, parkir adalah masih percuma kerana proses pelantikan operator masih diuruskan. Pengurusan parkir di stesen-stesen kereta api kebanyakannya diuruskan oleh syarikat KTMB (Carpark) Sdn. Bhd. iaitu anak syarikat Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB).

Manakala stesen-stesen yang tidak diuruskan oleh KTMB (Carpark) Sdn. Bhd. pula, diuruskan oleh syarikat lantikan RAC yang dibuat melalui proses sebut harga.

Untuk makluman Yang Berhormat dan kamar yang mulia ini, RAC adalah sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan yang tidak menerima sebarang peruntukan daripada Kerajaan Persekutuan untuk beroperasi semenjak tahun 2015. Pada masa yang sama, RAC juga bertanggungjawab penuh ke atas segala aspek berkaitan stesen tersebut.

Bagi memastikan stesen tersebut diselenggara dengan baik, kawalan keselamatan terjaga, urusan pembayaran utiliti dan lain-lain tidak tergendala, RAC perlu mengenakan caj ke atas pengguna tapak parkir tersebut. Selaras dengan Kerajaan Pakatan Harapan yang baharu, yang tidak mahu membebankan rakyat, RAC telah mengkaji semula kadar caj parkir yang dikenakan ke atas pengguna dan mencadangkan kadar maksimum sehari yang baharu untuk semua stesen kereta api, tetapi ini tertakluk kepada kelulusan Lembaga Pengarah RAC yang belum berlaku lagi.

#### ■1440

RAC juga akan berunding dengan pihak-pihak berkuasa tempatan (PBT) tentang hala tuju operasi tapak parkir di stesen-stesen kereta api. Kementerian juga ingin memaklumkan bahawa sebarang kerosakan atau kerugian ke atas kereta akibat daripada bencana alam seperti banjir dan ribut, tidak ditanggung oleh pihak RAC mahupun pengendali parkir. Sekiranya perkara tersebut ingin dilaksanakan, satu kajian menyeluruh perlu dijalankan dan berkemungkinan caj parkir akan meningkat. Berkaitan masalah banjir di Stesen Arau, perlu dimaklumkan bahawa oleh sebab punca banjir adalah di luar kawasan stesen, KTMB akan berbincang dengan pihak PBT berkenaan untuk mengelakkan perkara ini daripada berulang.

Akhir sekali berkenaan dengan isu aduan semak samun di kawasan kereta api berdekatan dengan Simpang Kuala Alor Setar, kementerian dan KTMB telah mengambil tindakan penyelenggaraan dengan segera dan kawasan tersebut telah dibersihkan pada 3 Julai 2018 dan gambar-gambar tersebut akan saya serahkan kepada Yang Berhormat selepas ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

### **Bantuan Kewangan kepada Mangsa Kebakaran Rumah Panjang di Kawasan Lanang**

**2.41 ptg.**

**Puan Alice Lau Kiong Yieng [Lanang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kebanyakan penduduk di kawasan Lanang merupakan masyarakat berbilang kaum

yang hidup berkelompok dan tinggal di rumah panjang. Mereka membina rumah panjang untuk memudahkan pelbagai aktiviti dilakukan secara berkumpulan dan kebanyakan penduduk rumah panjang ini adalah saudara mara mengikut budaya masing-masing. Maka, kebarangkalian untuk rumah-rumah kayu ini hangus dalam musibah kebakaran sangat tinggi.

Kebakaran yang berlaku akan mengakibatkan kemusnahan berantai dan menyebabkan mangsa dan keluarga serta saudara mara penduduk rumah panjang akan kehilangan hampir kesemua harta benda mereka termasuk wang dan dokumen penting seperti surat pengenalan diri, surat pemilikan tanah dan banyak lagi. Ini jelas akan membawa kesulitan kepada mangsa untuk meneruskan kehidupan kerana kos pembinaan rumah panjang yang baharu memerlukan kos yang sangat tinggi dan seperti penghuni rumah panjang yang lain, mangsa mahu membina rumah panjang di atas tanah mereka sendiri atau di atas tanah adat mereka.

Antara rumah-rumah panjang yang telah menjadi mangsa kebakaran di kawasan Lanang adalah seperti yang berlaku di Rumah Umpang Sungai Menyan dan Rumah Jackson Sibit pada tahun 2011, Rumah Suhan Sungai Sengan pada tahun 2012, Rumah Peter Pengabang pada tahun 2013, dan rumah panjang di Ulu Naman pada tahun 2014 daripada kes-kes kebakaran yang lain. Oleh sebab kos pembinaan tinggi dan ramai penghuni bukan dari golongan yang berada, maka ramai yang masih lagi menduduki rumah kayu sementara kerana tidak mampu untuk membiayai kos sepenuhnya untuk membina rumah yang baru.

Oleh itu saya ingin mendapat penjelasan, apakah bantuan yang disediakan oleh kerajaan untuk membantu mangsa kebakaran rumah panjang? Berapakah peruntukan yang diagihkan bagi membantu mangsa-mangsa kebakaran ini untuk membina semula rumah panjang yang telah musnah dan apakah proses permohonan tersebut? Sekiranya kerajaan ada memberikan peruntukan, apakah jenis pinjaman yang boleh dipohon oleh mangsa-mangsa ini bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka? Saya berharap agar kerajaan dapat memberikan pinjaman tanpa faedah bagi mangsa-mangsa kebakaran rumah panjang dan satu tabung atau dana kecemasan ditubuhkan untuk digunakan bagi kes-kes seperti ini sementara menunggu kelulusan permohonan pinjaman untuk membina rumah baru. Sekian, terima kasih.

**2.44 ptg.**

**Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Lanang, Yang Berhormat Alor Setar, Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertamanya saya ucap terima kasih atas soalan ini. Saya ingin merakamkan ucapan takziah kepada mangsa-mangsa tragedi kebakaran rumah panjang di kawasan Lanang. Saya turut

berdukacita dengan musibah yang melanda. Tragedi ini memberi kesan bukan hanya dari segi harta benda dan dokumentasi yang terhapus, bahkan meninggalkan trauma dan menggugat emosi mangsa dan waris-waris terdekat. Saya doakan agar mangsa dan keluarga akan terus tabah dan kuat menghadapi dugaan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam hal ini, kes kebakaran rumah-rumah panjang di kawasan Lanang tidak boleh ditakrifkan sebagai bencana jika dirujuk kepada perkara 4, arahan 20 (semakan semula) yang menggariskan "*kebakaran yang melibatkan kebakaran di kawasan luas merangkumi bangunan tinggi dan struktur khas yang mempunyai ramai orang*". Dalam erti kata lain, kebakaran hanya boleh ditakrifkan sebagai bencana apabila kejadian tersebut melibatkan bangunan yang tinggi dan struktur khas yang mempunyai ramai orang ataupun apa-apa kebakaran yang menyebabkan kehilangan nyawa dan kerosakan harta benda dalam skala yang besar. Akan tetapi, Kerajaan Persekutuan sentiasa bersedia mempertimbangkan bantuan-bantuan yang wajar diberikan bergantung pada skala kebakaran dan kes-kes yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat negeri, saya difahamkan bahawa Perbadanan Pembangunan Perumahan Sarawak, Negeri Sarawak (HDC Sarawak) ada menyediakan bantuan berbentuk Skim Pinjaman Rumah Panjang. Skim ini yang diperkenalkan pada tahun 1976 khusus untuk Bumiputera yang menetap di rumah panjang bagi tujuan ubah suai (*renovation*) bagi unit individu atau pembinaan rumah panjang baharu terutamanya dalam kes kebakaran. Pinjaman yang ditawarkan adalah dalam bentuk bahan binaan berjumlah RM10,000 seunit untuk satu keluarga. Manakala syarat permohonannya adalah:

- (i) rumah panjang yang tidak kurang dari 10 unit bilik;
- (ii) status tanah ialah tidak boleh di atas tanah kerajaan; dan
- (iii) pendapatan isi rumah tidak kurang daripada RM350 sebulan sebab ini adalah pinjaman.

Saya difahamkan bahawa pinjaman ini popular Tuan Yang di-Pertua, kerana ramai yang mengambil tawaran ini. Segala pertanyaan boleh diajukan kepada Seksyen Rumah Panjang, HDC Sarawak di talian kalau Yang Berhormat hendak ambil, 082-444381.

Tuan Yang di-Pertua, di peringkat Kerajaan Persekutuan pula, terdapat dua jenis bantuan bencana yang disediakan. Pertama, Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui Garis Panduan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) yang menetapkan kadar bantuan bagi kes kebakaran berskala kecil iaitu maksimum lima buah rumah. Skop bantuan PPRT adalah bina baru dan baik pulih. Kos bina baru rumah dengan keluasan 660 kaki persegi adalah RM56,000 untuk Semenanjung dan RM68,000 untuk Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan. Antara syarat yang ditetapkan adalah pemohon mesti mempunyai tanah milik atau kebenaran

menggunakan tanah. Kos baik pulih adalah RM13,000 untuk Semenanjung dan RM15,000 untuk Sarawak, Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Tuan Yang di-Pertua, bagi kes bencana besar pula, Agensi Pengurusan Bencana Negara, Jabatan Perdana Menteri (NADMA) mempunyai mekanisme untuk memantau dan menyelaraskan bantuan dan peruntukan. Sebagai contoh, NADMA telah memperuntukkan RM25,500 untuk bantuan dalam kes kebakaran pada tahun 2018 di Sibuti, di Miri, Sarawak. Walau bagaimanapun, peruntukan sejumlah RM25,500 ini bukanlah untuk pembinaan semula rumah tetapi pemberian wang ihsan sebanyak RM500 kepada 51 ketua isi rumah di Sibuti. Penyerahan wang ihsan itu telah disempurnakan pada 1 Mei yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat, saya ingin memaklumkan bahawa laporan-laporan kebakaran yang dikemukakan melalui soalan ini tidak memperincikan dengan jelas akan jumlah pintu yang terlibat dalam kes kebakaran mulai 2011 hingga 2014 tersebut. Sebagai kerajaan yang prihatin dan komited dengan kebajikan dan kesejahteraan mangsa-mangsa bencana, saya mohon agar Yang Berhormat dapat memaklumkan dengan kadar segera perincian dan butiran yang diperlukan untuk memudahkan penyelarasan bantuan di pihak kerajaan berdasarkan kepada skop dan tanggungjawab kementerian (Kementerian Pembangunan Luar Bandar) atau agensi (NADMA) yang akan membantu pembinaan semula rumah ini seperti yang saya jelaskan.

■1450

Untuk tindakan di pihak NADMA pula, kami telah menghubungi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia untuk mendapatkan senarai rumah panjang yang terlibat dalam kebakaran di kawasan Parlimen Lanang sehingga kini:

- (i) Rumah Umpang Sungai Menyan pada 10 Mei 2011 - ada 40 pintu dalam rumah panjang itu, jumlah keluar yang terlibat enam kerana ramai penghuni tidak mendiami rumah tersebut dan jumlah mangsa adalah 24. Ini adalah berdasarkan laporan atas talian *Utusan*, dikatakan satu pintu sahaja yang terbakar;
- (ii) Rumah Jackson Sibit yang berlaku pada 31 Mei 2011 juga - jumlah pintu 14 pintu, jumlah keluarga 14 juga, jumlah mangsa 117;
- (iii) Rumah Suhan Anji, Sungai Sengan pada 8 Jun 2012 – jumlah pintu 14 pintu, jumlah keluarga 14 dan jumlah mangsa 200;
- (iv) Rumah Peter Pengabang di Sibu yang berlaku kebakarannya 17 Mei 2013 – 10 pintu rumah panjangnya, keluarga pun 10 keluarga yang terlibat dan

jumlah mangsa 78. Berdasarkan maklumat atas talian, terdapat sembilan pintu yang terlibat; dan

- (v) Rumah Panjang Ulu Naman, Sibul pada 28 Februari 2014 – jumlah pintu 17, jumlah keluarga 17 dan jumlah mangsa 124.

Tuan Yang di-Pertua, suka saya menzahirkan hasrat dan kesediaan kerajaan untuk menghulurkan bantuan dan sokongan bagi meringankan beban mangsa kebakaran di rumah panjang di kawasan Lanang. Untuk membolehkan bantuan dihulurkan dengan efektif, saya mohon kerjasama Yang Berhormat untuk membantu mengemukakan maklumat yang dipohon:

- (i) senarai rumah panjang dan bilangan pintu yang didiami sebelum kebakaran berlaku;
- (ii) jumlah ketua isi rumah yang terlibat; dan
- (iii) pendapatan isi rumah yang disahkan berikutan semua kes berkenaan telah berlaku beberapa tahun yang lepas.

Seterusnya, Yang Berhormat boleh mengemukakan terus permohonan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kepada saya sendiri untuk membolehkan pertimbangan sewajarnya dibuat.

Tuan Yang di-Pertua, panjang. Arahan Majlis Keselamatan Negara Nombor 20 semakan semula telah menggariskan mekanisme pengurusan bencana meliputi sebelum, semasa dan juga selepas sesuatu kejadian bencana. Arahan ini turut menggariskan peranan setiap agensi yang terlibat dan agensi yang bertanggungjawab melaksanakan peranan masing-masing.

Oleh itu, saya menyeru kepada jentera pentadbiran negeri, daerah dan komuniti agar peka dan sentiasa berada di barisan hadapan seandainya musibah melanda. Kerjasama dan penyelarasan ini penting dalam menghulurkan bantuan dan memberi makluman serta-merta kepada Kerajaan Persekutuan melalui NADMA untuk penyelarasan bantuan dan tindakan. *Insyallah*, kita kenalah peka. Janganlah jadi senang-senang kebakaran berlaku. Terima kasih Yang Berhormat Lanang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang hari Rabu, 1 Ogos 2018.

***[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.53 petang]***